

**PEKELILING PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BIL.4/1987**

=====

**PERMOHONAN TUKAR SYARAT TANAH/ PERMOHONAN TANAH YANG
BERKELUASAN 50 EKAR KE ATAS YANG PERLU DIRUJUK KEPADA UNIT
PERANCANG DAN PEMBANGUNAN NEGERI PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN SELANGOR UNTUK MENDAPATKAN ULASAN**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bermesyuarat pada 01.10.1986 telah membuat keputusan seperti berikut:-

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri memutuskan supaya semua kertas-kertas permohonan tukar syarat tanah diangkat terus untuk pertimbangan Jawatankuasa Tetap Tanah dan Galian Negeri Selangor sebelum di bawa untuk keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Bagi permohonan-permohonan tukar syarat tanah yang berkeluasan dari 50 ekar ke atas, Pentadbir Tanah Daerah semasa membuat rujukan kepada Jabatan-jabatan Teknikal yang lain hendaklah juga merujuk kepada Bahagian Unit Perancang dan Pembangunan Negeri untuk mendapat ulasanya. Peraturan ini meliputi juga ke atas permohonan-permohonan tanah kerajaan.

2. Melalui pekeliling ini, Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah adalah diperingatkan supaya merujuk semua permohonan tukar syarat tanah/ permohonan tanah yang keluasanya 50 ekar ke atas kepada Unit Perancang dan Pembangunan Negeri Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor Darrul Ehsan Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam untuk mendapatkan ulasanya.

3. Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah adalah dengan ini dikehendaki mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melaksanakan keputusan berkenaan.

T.T
(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor.

Bertarikh pada 30hb Mac 1987
PTG.Sel. 34/7